



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1959 > May > 18 > Page 7 > PETANI TERIMA WANG BANTUAN DARI KERAJAAN



PETANI TERIMA WANG BANTUAN DARI KERAJAAN

Berita Harian, 18 May 1959, Page 7

Share

Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

PETANI TERIMA WANG BANTUAN DARI KERAJAAN

ALOR STAR

PELADANG2 yang ke-
cnewa dengan hasil
tanam2an - nya akibat

kemarau panjang beberapa bulan yang lalu di-
empat buah jajahan di-utara Kedah telah mene-
rima bantuan dari kerajaan dan Pejabat Tanaman
baharu2 ini.

Wang sa-besar \$104,800
telah di-untukkan kepada
2,271 orang dan sa-besar
\$54,000 lagi di-untukkan ka-
pada 282 orang.

Peladang2 itu ia-lah di-mukim
Bukit Raya, Tajar, Tobir, Gua
Kepayang, Ayer Puteh dalam
jajahan Kota Star dan di-mukim
Hosba, Kepelu, Binjal, Temin dan
Sungai Laka dalam jajahan Ku-
bang Pasu.

Ada-lah di-fahamkan bahawa
400 orang yang di-beri kerja
menchuchi tali2 ayer di-sapuluh
buah mukim di-jajahan Padang
Terap dengan wang anggaran
belanja sa-besar \$60,000.

Sementara di-jajahan Yen
pula di-sediakan wang sa-besar
\$35,000 untuk 73 orang pekerja
yang membina batas2 ban.

Pejabat Tanaman juga telah mengeluarkan bantuan wang kepada mereka yang mengalami nasib burok itu sa-banyak \$20,-000 untok membeli benih padi untokk tahun ini.

PONTIAN

DARIPADA sa-ramai 16 orang guru2 pelateh laki2 dan perempuan seluroh daerah Pontian, Johor yang telah mengambil bahagian dalam pepereksaan tahunan mereka di-sekolah umum Ayer Molek dalam bulan yang lalu 15 orang yang berjaya.

Mereka yang lulus dan mendudoki di-kelas pelateh sa-lama tiga tahun akan menerima pelajaran darjah perguruan (T.U.O.S.) tahun I melalui pos dari pihak Kementerian Pelajaran Kuala Lumpur.

ULU LANGAT

SA-RAMAI 61 orang Sakai telah mendaftarkan nama sa-bagai pengundi dalam pilehan raya ma lis meshuarat undangan, Negeri Selangor kawasan Kajang. Mereka ada-lah kaum Sakai yang tinggal di-Kuala Ponsor, Ulu Langat Utara yang akan mengundi di-sekolah China Pekan, Batu 18, Ulu Langat pada 30 May ini.

Berita Harian di-fahamkan bahawa sa-bilangan itu juga pernah mengundi dalam pilehan raya yang pertama dalam tahun 1955 dahulu.

SATU MAJLIS jamuan teh untok mera'ikan perpisahan Che'gu Nursiah bt. Ahmad ka-sekolah umum Jenderam Hilir dan mengalu2kan kedatangan Che'gu Nidah bt. Hj. Mohamed telah di-buat oleh guru2 sekolah umum Sungai Lui baharu2 ini.

RAUB

PARTI Buroh Malaya chawangan Raub telah di-tubuhkan di-sini dalam satu perjumpaan yang di-hadhiri oleh lebeh daripada 50 orang yang berlangsung di-rumah Persatuan Buroh Gaji Hari baharu2 ini.

Turut hadir dalam perjumpaan itu Tuan Basir b. Mat dan Tuan Foong Sin Shor, pegawai2 Parti Buroh Bentong.

Pegawai2 yang di-pileh ada-

ian sa-bagai berikut: Tuan A.
Sinnathamby (ketua), Tuan
Chong Haw Sang (naib ketua),
Tuan Abu Bakar b. Arshad (se-
tiasusaha), Tuan S. Sundram
(bendahari) dan lima orang ahli
jawatankuasa.

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2026 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31